

# Kaji terperinci sebelum komersialkan ketum

**S**EJAK sekian lama, daun ketum atau lebih dikenali sebagai biak menjadi bahan perubatan tradisional untuk minuman pemulih tenaga bagi wanita yang baru bersalin.

Tumbuhan daripada famili *Rubiaceae* itu banyak terdapat di Afrika, kawasan utara dan tengah Semenanjung Malaysia serta di selatan Thailand.

Di Malaysia, menanam pokok ketum bukanlah satu kesalahan kerana tidak boleh disabitkan dengan memiliki (daun ketum) dan hanya menjadi kesalahan jika daun ketum dan airnya diperdagangkan atau dijual.

Ketua Jabatan Pengurusan Hutan, Universiti Putra Malaysia, Prof. Madya Dr. Mohd. Nazre Saleh berkata, situasi itu bukanlah tiket bagi mana-mana pihak untuk menanam pokok ketum sewenang-wenangnya.

Katanya, langkah itu bagi mengekang penyalahgunaan daun ketum yang boleh memudarangkan kesihatan sekiranya tidak dikawal.

"Kajian terperinci perlu dilakukan terlebih dahulu oleh kerajaan sebelum kebenaran mana-mana pihak menanam pokok ketum secara komersial.

"Ini kerana, saya bimbang terdapat pihak yang mengambil kesempatan menjual daun ketum untuk tujuan salah guna sehingga merosakkan kesihatan masyarakat," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Mohd. Nazre berkata demikian ketika diminta mengulas cadangan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) yang memohon agar kerajaan membenarkan pekebun tempatan menanam daun ketum untuk dieksport ke luar negara.

*Kosmo!* pada 28 Julai lalu melaporkan, Pengerusi RISDA, Datuk Zahidi



MOHD. NAZRE

DAUN ketum dipercayai mempunyai potensi besar untuk dieksport ke luar negara.  
– Gambar hiasan



AIR rebusan daun ketum bersama campuran bahan-bahan lain dijual secara berleluasa di sebelah utara tanah air. – Gambar hiasan

Zainul Abidin yang mencadangkan agar kerajaan membenarkan pekebun tempatan menanam daun ketum untuk dieksport ke luar negara.

## Bekalan

Cadangan itu timbul selepas agensi berkenaan menerima permohonan daripada syarikat-syarikat farmasi Amerika Syarikat dan Eropah bagi membekalkan tumbuhan herba tersebut kepada mereka.

Mohd. Nazre memberitahu, daun ketum diakui mempunyai nilai perubatan tertentu dan digunakan secara tradisi untuk mengubati beberapa jenis penyakit.

Begitupun, beliau bimbang sekiranya pokok ketum senasib dengan ganja yang pada asalnya ditanam untuk tujuan perubatan sebelum disalahgunakan.

"Saya ingin mengambil contoh yang berlaku di Golden Triangle (sempadan tiga negara antara Myanmar, Laos dan Thailand) yang merupakan kawasan penanaman ganja untuk tujuan perubatan.

"Namun, akhirnya ia menjadi aktiviti mengaut keuntungan oleh pihak tertentu. Jika ini berlaku, amat sukar untuk dikawal," katanya.

Malaysia meletakkan kesalahan penyalahgunaan ketum di bawah Seksyen 30(3) Akta Racun 1952 yang memperuntukkan denda maksimum RM10,000, penjara maksimum empat tahun atau kedua-duanya sekali tetapi bagi kebanyakan kes, pesalah hanya akan didenda.



DAUN ketum digunakan secara tradisi bagi mengubati beberapa jenis penyakit. – Gambar hiasan

Sementara itu, Pegawai Perhubungan Awam, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Salehuddin Klewan berkata, pihaknya mendapati, daun ketum banyak disalahgunakan di negeri-negeri di utara tanah air.

Daun ketum biasanya direbus dengan mencampur bahan-bahan lain bagi mendatangkan rasa khayal seperti pengambilan dada.

"Pokok ketum ditanam dan airnya dijual secara berleluasa sehingga berlakunya ketagihan dalam masyarakat. Malah, penyalahgunaan ketum turut melibatkan pelajar sekolah yang mudah mendapat bekalan air ketum."

"Bayangkan, jika kerajaan membenarkan pokok ketum ditanam secara berleluasa, keadaan pastinya bertambah buruk," katanya.